

**TEKS UCAPAN ALUAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
DAN PENTAGON MATH SDN. BHD. DAN
NON-DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) UiTM DAN ANAK
SYARIKAT FGV HOLDINGS BERHAD**

9 JUN 2023 | JUMAAT | 8.30 PAGI

Terima kasih Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBIHI AJMA'IN.**

- **YBhg. Prof. Ts. Dr. Norazah Abdul Rahman**

Timbalan Naib Canselor

Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM

- **YBrs. Prof. Ts. Dr. Mohd Ilham Adenan**

Rektor UiTM Cawangan Pahang

- **YBrs. Prof. Dr. Wan Mohd Nazri Wan Abdul**

Rahman

Timbalan Rektor PJI UiTM Cawangan Pahang

- **YBhg. Encik Sulaiman Syah Ab Rahman**

Ketua Pegawai Eksekutif Al Baghdadi Pentagon Math

- **YBhg. Encik Addie Humaizie Abu Hassan**

Ketua Pegawai Pembangunan Bisnes Al Baghdadi

Pentagon Math

- **YBhg. Encik Mohd Syafeeq Mohd Radzif**

Ketua Pegawai Operasi Al Baghdadi Pentagon Math

- **YBrs. Encik Farhan Haji Alias C.A. (M)**

Pengarah Urusan Al Baghdadi Pentagon Math

- **YBrs. Encik Romzi Ishak**

Ketua Divisyen R&D FGV Holding Berhad

- **YBhg. Encik Zul Hasymi Saadul Kurzi**

Ketua Pegawai Eksekutif FGV Services Sdn. Bhd.

- **YBhg. Encik Noor Hisham Hamid**

Ketua Pegawai Eksekutif FGV R&D Sdn. Bhd.

- Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti Perakaunan,
- Rakan Media, Barisan Pensyarah UiTM dan para hadirin yang dihormati sekalian.

SALUTASI – [kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah SWT kerana pada pagi ini dapat kita bersama-sama

menghadiri majlis pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara **Universiti Teknologi MARA** dan **Pentagon Math Sdn. Bhd.** dan juga **Majlis Pertukaran Perjanjian Tanpa Pendedahan (NDA)** dengan anak syarikat **FGV Holdings Berhad** iaitu **FGV Agri Services Sdn. Bhd.**, **FGV Agri & Research Sdn. Bhd.** dan **FGV Fertiliser Sdn. Bhd.**

2. Kerjasama yang dijalinkan hari ini akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Misalnya, Pentagon Math Sdn. Bhd., merupakan syarikat yang menghasilkan program inovatif berkaitan pendidikan matematik berteraskan Al-Quran dapat membantu pihak UiTM untuk memperkenalkan hasil inovasinya kepada masyarakat umum melalui kaedah pemasaran yang dilaksanakan oleh Pentagon Math Sdn. Bhd.

3. Sementara itu, melalui perjanjian Tanpa Pendedahan (NDA) dengan syarikat FGV Agri Services Sdn.Bhd., FGV Agri & Research Sdn. Bhd. dan FGV Fertiliser Sdn.Bhd., dapat memberikan manfaat kepada UiTM untuk menjalankan penyelidikan dan penulisan, penghasilan buku, seminar, mewujudkan pusat kecemerlangan (CoE) iaitu International Center of Oil Palm (ICOP) dan Program pensijilan dan pengijazahan melalui modul-modul yang telah dibangunkan oleh ICEPS.

4. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada YBrs. Profesor Ts. Dr. Mohd Ilham Adenan, Rektor UiTM Cawangan Pahang, Pentagon Math (Al-Baghdadi), dan FGV atas inisiatif persefahaman untuk merealisasikan MoU dan NDA pada hari ini.

Hadirin sekalian,

5. Semoga kerjasama ini menjadi titik permulaan kepada UiTM mengorak langkah dengan lebih sistematik dalam memasarkan produk-produk terkini secara lebih berfokus. Semoga hubungan ini juga dapat menghasilkan lebih banyak penyelidikan dan perkongsian ilmu di antara penyelidik khususnya di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR), Jerantut.

6. Harapan saya agar lebih banyak persefahaman yang seumpana ini dapat diwujudkan pada masa hadapan di peringkat yang lebih tinggi ke arah kita mencapai sasaran menjadi Universiti yang dikenali dunia.

7. Pastinya, penglibatan dalam bidang inovasi dan penyelidikan bersama pihak industri membolehkan kehadiran UiTM dapat dirasai di segenap lapisan masyarakat, yang mana masyarakat juga bersama-sama terlibat dalam pembentukan sistem pendidikan dan seterusnya bersama-sama ke arah Malaysia Madani.

8. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih pada semua pihak yang berusaha keras bagi merealisasikan memoradum persefahaman ini, semoga usaha ini diberkati Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahibarakatuh